

# Tatakelakuan Vendor Newell Brands

Newell Brands dan anak syarikat serta sekutunya (secara kolektifnya, "Newell") komited untuk menjalankan aktiviti perniagaan dengan piawaian etika perniagaan yang tertinggi dan mengikut semua undang-undang dan peraturan yang terpakai. Tatakelakuan Vendor ini dikenakan kepada semua pihak yang menyediakan barang atau perkhidmatan kepada Newell dan subsidiari, sekutu dan subkontraktornya (secara kolektifnya, "vendor"), sama ada yang teratur, beroperasi, atau yang sedia ada di bawah undang-undang Amerika Syarikat atau undang-undang mana-mana negara lain, negeri, kesatuan politik, perbandaran, daerah pentadbiran, atau pihak berkuasa kerajaan yang lain. Kod ini menetapkan tatakelakuan yang diharapkan oleh Newell daripada Vendor kami dalam beberapa bidang, yang merangkumi hak asasi manusia, keperluan buruh, kesihatan dan keselamatan, pematuhan alam sekitar dan amalan pengurusan. Newell akan menilai pematuhan pembekal terhadap Kod kami. Pelanggaran Kod kami boleh mengakibatkan tindakan pembetulan, termasuk penamatan hubungan perniagaan dengan Newell.

Newell berhak untuk memeriksa dan/atau membenarkan pihak ketiga untuk memeriksa dan mengaudit semua Vendor dan mana-mana lokasi sesuatu barang direka, dikilangkan, dipasang, dikendalikan, ditempatkan, atau di jual secara runcit ("Kilang"), pada bila-bila masa, sama ada notis diberikan terlebih dahulu atau tidak. Vendor juga hendaklah membenarkan pelanggan Newell memeriksa dan mengaudit Kilangnya setakat yang diperlukan sewajarnya atau diminta oleh pelanggan tersebut sebagai syarat untuk menjalankan perniagaan dengan Newell. Semua dokumentasi tersebut mestilah tepat, bebas daripada sebarang percubaan untuk memalsukan atau mengelirukan, dan disediakan dengan segera atas permintaan kepada mana-mana orang Newell yang menjalankan audit.

Semua vendor hendaklah memaklumkan Newell tentang sebarang maklumat penting yang memberi kesan kepada reputasi Newell Brands, atau isu-isu penting yang mungkin mengganggu keupayaan pembekal atau keupayaan vendor untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan bagi setiap tanggungjawab kontrak.



## Isu Toleransi Sifar

Terdapat pelanggaran tertentu yang dianggap oleh Newell Brands sebagai "Toleransi Sifar" Tiada toleransi untuk pelanggaran jenis ini dan mungkin akan mengakibatkan penamatkan hubungan perniagaan kami. Semua vendor dijangka mempunyai sistem pengurusan dan latihan kesedaran yang berkesan untuk mengurus pematuhan sosial di kilang masing-masing dan memastikan tiada pelanggaran toleransi sifar. Vendor mesti memastikan bahawa tiada bahan terlarang dari negara atau wilayah yang disekat dalam produk yang bersumber daripada Newell Brands. Vendor mesti memastikan bahawa kilang mereka menyedari isu toleransi sifar untuk memastikan pematuhan kepada keperluan Tatakelakuan Vendor.

Pelanggaran Toleransi Sifar Newell Brands merangkumi:

- Buruh kanak-kanak
  - Buruh Paksa atau Penjara
  - Percubaan rasuah dalam apa-apa jua bentuk
  - Diskriminasi
  - Gangguan
  - Hukuman Dera
  - Subkontrak yang tidak dibenarkan
  - Dokumen Palsu
  - Penafian Akses
  - Pemintasan proses audit
  - Pembuangan air sisa tanpa rawatan ke alam sekitar
  - Kandungan Bekas yang Mengandungi Kontraban

Selain itu toleransi sifar, sekiranya kami dapat terdapat pelanggaran yang berulang atau masalah sistemik di kilang anda, kami boleh memilih untuk menamatkan hubungan perniagaan. Pelanggan kami juga boleh menetapkan pelanggaran tambahan, yang dalam hal ini anda mungkin tertakluk pada penamatian. Pembekal bertanggungjawab untuk memastikan bahawa mereka mengurus risiko secara proaktif dan memahami keperluan program Newell.

# Pematuhan Undang-undang dan Peraturan

Mematuhi semua undang-undang yang terpakai di mana-mana negara ia menjalankan perniagaan dan menunjukkan tindakan yang memenuhi atau melebihi keperluan undang-undang yang terpakai dalam semua kes. Istilah "undang-undang yang terpakai" bermaksud undang-undang yang berkenaan dengan mana-mana Vendor, iaitu mana-mana statut, undang-undang, ordinan, dasar, panduan, kaedah, tafsiran pentadbiran, peraturan, perintah, writ, injunksi, arahan, penghakiman, dekri domestik, asing, persekutuan, negeri, statut tempatan atau perbandaran, atau mana-mana keperluan lain mana-mana entiti kerajaan yang berkenaan dengan Vendor tersebut.

# Antirasuah dan Antisogokan

Semua Vendor mesti mematuhi semua undang-undang antirasuah dan antisogokan di seluruh dunia, dan menjalankan perniagaan secara berintegriti. Vendor tidak boleh menerima atau memberi apa-apa yang bernilai, sama ada secara langsung atau tidak langsung, untuk mendapatkan kelebihan yang tidak wajar atau untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan (contohnya, wang, hadiah, makanan dan pengangkutan). Vendor mesti mempunyai tatacara yang mencukupi untuk mencegah rasuah dalam semua urusan komersial yang dijalankan.

# Konflik Kepentingan

Vendor mesti mengelakkan situasi konflik kepentingan. Newell mentakrifkan konflik kepentingan sebagai terlibat dalam hubungan atau aktiviti yang mempengaruhi, atau tampak mempengaruhi, objektiviti anda dalam membuat keputusan perniagaan demi kepentingan syarikat yang terbaik. Vendor mesti mendedahkan sebarang situasi konflik kepentingan yang diketahui oleh Vendor kepada Newell.

## Pematuhan Perdagangan dan Kastam

Vendor mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai, yang berkaitan dengan pengeksportan dan pengimportan produk. Untuk melindungi integriti kargo yang dihantar, Vendor mesti berusaha untuk mematuhi proses dan tatacara keselamatan rantaian bekalan yang selaras dengan Perkongsian Perdagangan Kastam AS Terhadap Keganasan (CTPAT) dan program lain yang berkaitan seperti Pengendali Ekonomi Yang Dibenarkan (AEO).



## Amalan Pekerjaan

Newell Brands menjangkakan bahawa Vendor menghormati para pekerjanya dan, sekurang-kurangnya, mematuhi keperluan yang di bawah ini.

## Upah dan Manfaat

Upah yang dibayar kepada pekerja hendaklah sekurang-kurangnya merupakan upah minimum di bawah undang-undang yang terpakai. Cuti tahunan dan cuti berbayar hendaklah dibayar seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai.

Manfaat yang diberikan oleh Vendor dan Kilang hendaklah merangkumi, sekurang-kurangnya yang dimandatkan oleh undang-undang yang terpakai.

Untuk setiap tempoh pembayaran, Vendor hendaklah memberikan penyata upah yang boleh difahami kepada pekerjanya. Potongan upah tidak boleh berlebihan dan mesti diperincikan dengan jelas. Upah perlu dibayar mengikut jadual sekurang-kurangnya sekali sebulan atau tempoh masa yang lebih pendek seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai.

## Waktu Bekerja

Vendor hendaklah mematuhi undang-undang dan piawaian industri yang terpakai berkenaan dengan waktu bekerja dan mesti membenarkan pekerjanya bercuti sekurang-kurangnya sehari dalam setiap tempoh tuiuh hari.

Sekiranya kerja lebih masa adalah perlu atau wajib, pekerja perlu dimaklumkan menerusi notis yang munasabah. Vendor hendaklah membayar pekerjanya bayaran lebih masa pada kadar yang lebih tinggi daripada upah biasa dan mengikut undang-undang yang terpakai.

Penjual hendaklah membenarkan pekerjanya mengambil semua rehat yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai dan, dalam apa-apa jua keadaan, waktu rehat, tempoh makan tengah hari dan rehat untuk penggunaan bilik air yang munasabah.

## Buruh Kanak-kanak

Vendor hendaklah mematuhi semua undang-undang yang terpakai dan hanya menggaji individu yang memenuhi atau melebihi umur minimum bekerja yang sah atau berumur 15 tahun, yang mana lebih besar, atau, umur yang ditetapkan oleh undang-undang yang terpakai untuk melengkapkan pendidikan wajib. Untuk pekerjaan yang memerlukan kematangan pekerja yang lebih tinggi, bersifat berbahaya, memerlukan kerja malam atau menimbulkan risiko keselamatan, pekerja-pekerja ini hendaklah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun.

Vendor hendaklah menyimpan dokumentasi rasmi tarikh lahir setiap pekerja. Sekiranya dokumentasi ini tidak tersedia, mereka mesti menggunakan kaedah yang sah dan boleh dipercayai untuk menilai atau mengesahkan umur setiap pekerja. Syarat umur bekerja minimum dikenakan kepada semua kerja subkontrak yang berkhidmat secara keseluruhan atau sebahagian, di rumah atau dalam industri di rumah.

## Buruh Paksa Atau Buruh Kontrak & Pemerdagangan Manusia

Vendor tidak boleh menggunakan mana-mana buruh penjara, kontrak, terikat atau paksa. Tiada pekerja yang boleh dipaksa untuk tetap bekerja selain secara sukarela.

Pekerja asing mesti diambil bekerja dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang buruh dan pekerjaan di negara tuan rumah. Syarat kontrak pekerjaan pekerja tersebut mesti dibuat secara bertulis, dalam bahasa yang boleh dibaca dan difahami oleh pekerja, dan diterima oleh pekerja sebelum mereka berlepas dari negara asal mereka. Bayaran atau kos yang berkaitan dengan pengambilan pekerja, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran yang berkaitan dengan visa kerja, kos perjalanan dan kos pemprosesan dokumen tidak akan dikenakan kepada pekerja secara langsung atau tidak langsung. Pembekal tidak boleh menahan pasport dan visa pekerja asing.

Vendor hendaklah mengekalkan dan komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang bebas daripada pemerdagangan manusia. Amalan pekerjaan tidak boleh merangkumi pengambilan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan atau penerimaan orang melalui penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan yang lain, penculikan, penipuan, perdayaan, penyalahgunaan kuasa atau dengan memberi atau menerima pembayaran atau faedah untuk mencapai persetujuan seseorang yang mempunyai kawalan atas orang lain untuk tujuan eksplotasi. Vendor tidak boleh mendapatkan sebarang produk, komponen, atau bahan daripada pembekal yang tertakluk pada sekatan AS, atau rantau yang mempunyai bukti dokumentasi tentang buruh paksa dan pelanggaran hak asasi manusia.



## Amalan Diskriminasi, Gangguan & Tatatertib

Vendor tidak boleh mendiskriminasi pekerja atau bakal pekerja mereka dalam amalan pengambilan pekerja, atau dalam terma atau syarat kerja yang lain berdasarkan bangsa, warna kulit, negara asal, jantina, identiti jantina, agama, umur, ketidakupayaan, gabungan politik, orientasi seksual, status sosial atau perkahwinan, kehamilan, atau keahlian dalam organisasi pekerja, seperti kesatuan, atau apa-apa faktor lain yang serupa.

Vendor tidak boleh terlibat dalam penggunaan atau ancaman hukuman dera, penggunaan atau ancaman apa-apa jenis penderaan atau gangguan, termasuk secara mental, fizikal (termasuk seksual) atau lisan, terhadap pekerjanya atau penggunaan atau ancaman apa-apa bentuk ugutan yang lain. Vendor hendaklah melayan semua kakitangannya dengan penuh hormat dan bermaruah. Semua langkah tatatertib utama yang diambil terhadap pekerja hendaklah didokumentasikan oleh Vendor.

Alam Sekitar

Vendor mesti mematuhi semua undang-undang perlindungan alam sekitar yang terpakai. Vendor hendaklah mempunyai sistem pengurusan alam sekitar (EMS) dan pelan kecemasan alam sekitar (EEP). Vendor bertanggungjawab untuk memastikan tidak berlakunya pembuangan haram atau pembuangan sisa atau air sisa ke dalam takungan air setempat, termasuk sungai atau anak sungai.

## Subkontrak

Kilang bersetuju untuk melaksanakan semua operasi pembuatan dan pemasangan akhir untuk menghasilkan produk, dan bahawa mereka tidak akan melakukan subkontrak untuk penyiapan atau secara keseluruhannya semua pembuatan atau pemasangan produk, melainkan jika Vendor memperoleh kelulusan bertulis daripada Newell terlebih dahulu. Vendor bertanggungjawab untuk memberitahu Newell tentang sebarang rancangan untuk mengubah lokasi pembuatan. Subkontrak mana-mana kerja jika diizinkan oleh Newell, tidak akan melepaskan Vendor daripada kewajipan yang di bawah ini, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kewajipan untuk menghendaki syarikat yang menyediakan barang dan perkhidmatan kepada Vendor untuk mematuhi Tatakelakuan Vendor ini.

# Kebebasan untuk Berpersatuan

Vendor haruslah menghormati hak pekerja mereka untuk memilih sama ada untuk bersekutu dengan mana-mana organisasi yang sah termasuk organisasi buruh.

## Kesihatan & Keselamatan

Pembekal mesti menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada pekerja mereka, dan persekitaran tempat tinggal yang selamat dan sihat, jika disediakan. Pembekal hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan keselamatan pekerja yang terpakai, yang merangkumi:

- o Integriti Bangunan
  - o Keselamatan Pekerjaan
  - o Kecederaaan Pekerjaan & Penyakit
  - o Keselamatan Kebakaran
  - o Persediaan Kecemasan
  - o Penjagaan Mesin
  - o Keselamatan Kimia
  - o Kebersihan, Makanan & Asrama
  - o Kebebasan Pergerakan

## Mineral Konflik

Vendor hendaklah melaksanakan tatacara untuk memastikan bahawa tiada produk atau bahan yang dibekalkan kepada Newell mengandungi mineral konflik (kolumbit-tantalit (juga dikenali sebagai coltan (tantalum, niobium), kasiterit (tin), wolframit (tungsten), emas, kobalt, atau terbitannya) yang secara langsung atau tidak langsung membantu kumpulan bersenjata melalui perlombongan atau perdagangan mineral di Republik Demokratik Congo atau negara yang bersebelahan. Atas permintaan Newell, Vendor akan bekerjasama sepenuhnya dalam menjawab pertanyaan mana-mana negara asal mengenai mineral konflik (termasuk meminta maklumat daripada pembekal itu sendiri); menyediakan dokumentasi yang diminta; dan/atau mengesahkan kepatuhannya dengan peruntukan ini, dengan memberikan pengakuan bersumpah salah seorang pegawai, pengarah, atau ejen penurusannya.



## Keselamatan Data

Vendor dijangka mematuhi semua keselamatan data, undang-undang privasi, peraturan dan keperluan pengekalan yang berkenaan. Vendor dijangka memastikan bahawa mereka melaksanakan dan mengekalkan kawalan pentadbiran, fizikal dan teknikal yang sesuai untuk melindungi maklumat sulit dan mencegah pengumpulan, penggunaan atau pendedahan data yang tidak dibenarkan.

## Pemantauan Tatakelakuan Vendor

Newell akan mengkaji Tatakelakuan Vendor ini secara tetap dan akan memindanya untuk memasukkan parameter tambahan apabila perlu. Kod ini merupakan pernyataan umum jangkaan Newell berkenaan Vendornya. Kod hendaklah dibaca bersama-sama dengan kewajipan Vendor yang dinyatakan dalam Manual Sumber Bertanggungjawab dan dalam mana-mana perjanjian antara Newell (atau mana-mana bahagian operasinya) dengan Vendor.

Vendor bertanggungjawab memastikan bahawa ia memahami dan mematuhi Tatakelakuan Vendor ini dan memberitahu Newell (atau ahli pengurusannya) sekiranya dan apabila terdapat sebarang situasi yang menyebabkan Vendor beroperasi dalam keadaan melanggar Tatakelakuan Vendor ini. Vendor dijangka melakukan pemantauan sendiri kepatuhan mereka terhadap Tatakelakuan Vendor ini, oleh itu, Newell sangat menggalakkan Vendor menentukan dan melaksanakan dasar untuk kebertanggungjawaban sosial dan menerima pakai atau mewujudkan sistem pengurusan untuk memastikan bahawa keperluan Tatakelakuan Vendor ini dapat dipenuhi secara konsisten.

Sebagai tambahan kepada hak lain yang mungkin dimiliki Newell berdasarkan perjanjian yang mungkin dimeterai dengan Vendor, sekiranya Newell menentukan bahawa mana-mana Vendor yang gagal mematuhi atau melanggar mana-mana syarat Tatakelakuan Vendor ini atau sebaliknya berkelakuan dengan cara yang tidak selaras dengan maksud Tatakelakuan Vendor ini, Newell berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, ntuk:

1. Menamatkan hubungan perniagaan dengan Vendor, termasuk pembatalan sebarang pesanan pembelian yang belum selesai, atau
2. Memerlukan tindakan pembetulan dalam tempoh masa yang boleh diterima dan/atau bekerjasama dengan Vendor untuk program pemulihan yang boleh diterima agar perhubungan perniagaan dapat diteruskan atau disambung semula.

